

NOTIS TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran Adalah Dipelawa Kepada Kontraktor-Kontraktor Yang Berdaftar Dengan FELCRA Berhad, Mempunyai Kelayakan Yang Ditetapkan Dan Berpengalaman Bagi Menyertai Tawaran Seperti Berikut :

Tajuk Tawaran	Melaksanakan Perkhidmatan Penilaian Tahap Keselamatan Rangkaian Dan Aplikasi (<i>Security Posture Assessment</i> - SPA) FELCRA Berhad
No Tawaran	SHP 24/2025
Kelayakan	i. Kementerian Kewangan Kod Bidang: 210103, 210104, 210105, 210106 & 210107 ii. Sijil Akaan Firma Perunding berdaftar dengan Kementerian Kewangan Kod Bidang: 340601, 340602, 340603, 340604 & 340605 iii. Lesen Perkhidmatan Keselamatan Siber (NACSA)
Tarikh Iklan	17/7/2025 12.00 Tengahari
Tarikh Tutup	30/7/2025 12.00 Tengahari
Taklimat/Lawatan Tapak	-
Bayaran Penyertaan	RM100.00
Deposit Sebutharga	RM500.00
Pegawai Perolehan	Muhammad Syuhairim Bin Osman
No Telefon	03-4145 5569
Email	syuhairim@felcra.com.my
Untuk Penyertaan	Tawaran sebutharga dilaksanakan melalui sistem E-Procurement (<i>Procurehere</i>) secara atas talian sepenuhnya. Kontraktor-kontraktor yang berminat menyertai tawaran sebutharga ini boleh tekan link berikut : i. Kontraktor yang telah berdaftar dengan FELCRA Berhad sila tekan Procurehere Event Details. ii. Syarikat yang belum berdaftar dan berminat untuk menyertai tawaran sila tekan Borang Pendaftaran Kontraktor. iii. Bayaran penyertaan hendaklah dibuat dengan bayaran secara dalam talian (<i>Internet Banking – Instant Transfer sahaja</i>) atas nama FELCRA Berhad. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
Carta Alir Proses	Proses Tawaran Tender/Sebutharga Melalui Sistem E-Procurement (<i>Procurehere</i>) FELCRA Berhad sila tekan Carta Alir .
Tawaran Tidak Dipertimbangkan	i. Tawaran sebutharga tidak akan dipertimbangkan sekiranya : a. Penyebutharga GAGAL memuat naik dokumen wajib dengan lengkap ke dalam sistem E-Procurement (<i>Procurehere</i>); atau b. Penyebutharga LEWAT menyerahkan tawaran sebutharga dengan lengkap ke dalam sistem E-Procurement (<i>Procurehere</i>). ii. FELCRA Berhad tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebutharga. iii. Jika maklumat yang dinyatakan dalam borang dan atau dokumen yang dikemukakan oleh penyebutharga didapati tidak benar/palsu atau terdapat sebarang usaha menyembunyikan maklumat sebelum, semasa atau selepas tawaran sebutharga ini, maka FELCRA Berhad pada bila-bila masa berhak menolak tawaran atau membatalkan Surat Setuju Terima atau menamatkan kontrak ini. iv. Keputusan tawaran sebutharga ini adalah muktamad dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.

Syarat-syarat & Arahan Tawaran Sebutharga

SHP 24/2025

Penyebutharga yang mempunyai syarat-syarat di bawah adalah dipelawa untuk menyertai sebutharga ini:

- I. Penyebut harga mestilah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan mematuhi semua kod bidang (field code) 210103, 210104, 210105, 210106, 210107
- II. Penyebut harga hendaklah mempunyai Lesen Pemberi Perkhidmatan Keselamatan Siber bagi Perkhidmatan Pengujian Penembusan yang masih aktif dikeluarkan oleh pihak NACSA
- III. Penyebut harga hendaklah mempunyai Sijil Akuan Firma Perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia mengikut Kod Bidang tersebut :
 - 340601 - Kajian Telekomunikasi
 - 340602 - Perancangan Strategik ICT (ISP)
 - 340603 - Kajian Pengurusan Infrastruktur ICT
 - 340604 - Kajian Pengurusan Keselamatan ICT
 - 340605 - Kajian Pengurusan Maklumat ICT
- IV. Penyebut Harga mestilah menyediakan personel teknikal khusus yang mempunyai kepakaran (subject matter expert) dan berpengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dan mempunyai sijil professional dalam bidang keselamatan ICT untuk melaksanakan SPA. Personel teknikal mestilah mempunyai kelayakan minimum seperti berikut (sila sertakan kesemua sijil):-
 - Certified Ethical Hacker (CEH)
 - Cisco Certified Network Associate (CCNA)
 - Cisco Certified Network Professional (CCNP)
 - Prince 2 (Project Management Certification)
 - Computer Hacking Forensic Investigator (CHFI)
 - Certified Information System Security Professional (CISSP)
 - Digital Forensics Essentials (DFE)
 - Atau Sijil-sijil yang berkaitan dengan Penilaian Keselamatan ICT.
- V. Pihak Penyebut harga tidak dibenarkan melantik pihak ketiga di dalam melaksanakan penilaian tahap keselamatan rangkaian dan aplikasi selama tempoh kontrak.